



28 September 2017  
28 September 2017  
P.U. (A) 275

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERIZABAN MELAYU  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(PINDAAN JADUAL KETIGA) 2017

*MALAY RESERVATIONS (FEDERAL TERRITORY)  
(AMENDMENT OF THIRD SCHEDULE)  
ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ENAKMEN PERIZABAN MELAYU

PERINTAH PERIZABAN MELAYU (WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(PINDAAN JADUAL KETIGA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Enakmen Perizaban Melayu [N.M.B. Bab 142], sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Perizapan Melayu) 1974 [P.U. (A) 60/1974] dan Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Perizapan Melayu) (Pindaan) 1984 [P.U. (A) 340/1984], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perizaban Melayu (Wilayah Persekutuan) (Pindaan Jadual Ketiga) 2017**.

(2) Perintah ini hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Pindaan Jadual Ketiga**

2. Jadual Ketiga kepada Enakmen Perizaban Melayu dipinda dengan menambah yang berikut:

“Affin Islamic Bank Berhad

Amanah Raya Berhad

Pelaburan Hartanah Berhad

Pengurusan Aset Air Berhad

Perbadanan PR1MA

The Trustees of the Mahmood & Ragayah Foundation Incorporated

Uda Legasi Sdn. Bhd.”.